

tindak balas dalam menghadapi banjir gelombang kedua di Terengganu dan Kelantan dijangka akhir bulan ini.

Katanya, lebih banyak jentera seperti lori lima tan dan ke atas diperlukan untuk digerakkan ketika banjir mula melanda bagi memindahkan penduduk ke kawasan selamat.

“Setakat ini, aset yang ada tidak mencukupi. Jadi, kita membuat perkiraan untuk pindahkan aset dari Selangor dan Perak.

“Namun, kita perlu membuat ramalan tepat kerana banjir kini sedang melanda Johor dan gelombang seterusnya dijangka melanda kembali Terengganu dan Kelantan. Jadi, kita perlu selaraskan gerakan dan juga aset untuk operasi bencana,” katanya.